

31 MAY 2002

Mahathir-Hudud

PAS TERLALU MEMENTINGKAN PROSEDUR, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Kerajaan PAS Terengganu terlalu mementingkan soal prosedur sehingga mengabaikan aspek keadilan ketika menggubal Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Justeru, katanya adalah wajar sekiranya kerajaan negeri merujuk rang undang-undang itu kepada Jabatan Peguam Negara bagi memastikan sama ada ia secukup dengan undang-undang Persekutuan dan konsep keadilan.

"Dalam Islam yang utamanya ialah keadilan...kalau tak adil, kita tak boleh buat..tapi nampaknya dia tak peduli...dia hanya mementingkan prosedur.

"Prosedur tidak menentukan keadilan," kata Dr Mahathir ketika ditanya pemberita mengenai kesanggupan kerajaan PAS Terengganu mengadakan perbincangan dengan semua pihak termasuk Perdana Menteri berhubung rang undang-undang itu.

Dr Mahathir sebelum itu mempengerusikan Dialog Belanjawan 2003 Sessi II di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Cadangan kerajaan PAS Terengganu membentangkan rang undang-undang itu Julai ini mendapat bantahan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil serta 12 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita yang mendakwa terdapatnya peruntukan yang mendiskriminasi dan menzalimi wanita.

Shahrizat mempertikaikan Seksyen 9 (2) rang undang-undang itu yang menyatakan seseorang wanita yang membuat pengaduan dirogol akan dikenakan hukuman atas kesalahan memfitnah dan disebat 80 kali sekiranya gagal mengemukakan bukti yang nyata iaitu empat saksi atas pertuduhannya itu.

-- BERNAMA

AKT ZS RON